

(P)

PETRONAS TAK SELEWENG

UM 13 NOV 1982

KUALA LUMPUR 12 Nov.
K-Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa tidak ada penyelewengan berlaku dalam PETRONAS dan kepentingan perbadanan itu sentiasa diawasi oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, pengawasan yang rapi dibuat dari semasa ke semasa dan sehingga ini tidak ada penyelewengan berlaku dalam perbadanan minyak tersebut.

Bagaimanapun, tambah beliau, kerajaan adalah bersedia mendengar sebarang maklumat dari sesiapa mengenai penyelewengan yang berlaku dalam PETRONAS.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian semasa menjawab pertanyaan mulut Encik Sim Kwang Yang (DAP - Bandar Kucing) di Dewan Rakyat di sini petang ini.

Beliau kemudian meminta anggota berkecuaan mengemukakan kepada kerajaan jika beliau mendapat maklumat mengenai penyelewengan dalam PETRONAS.

Kepada pertanyaan Encik Sim, Datuk Sri

Dr. Mahathir berkata PETRONAS, seperti syarikat-syarikat berdaftar yang lain dikehendaki mengemukakan laporan tahunan dan akaun auditnya kepada pendaftar syarikat.

Penyata tahunan PETRONAS diaudit oleh sebuah firma akauntan profesional yang bertauliah sebelum ianya dikemukakan kepada pendaftar syarikat.

Untuk perhatian

Perdana Menteri menjelaskan salinan-salinan penyata itu dikemukakan juga kepada beliau, Ketua Audit Negara dan Perbendaharaan untuk perhatian mereka.

Beliau menegaskan bahawa PETRONAS tidak perlu mengemukakan penyata akaun tahunannya kepada Ketua Audit Negara atau Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara kerana ia sebuah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965.

Sebenarnya PETRONAS tidak dikecualikan daripada kawalan dan penelitian Parlimen, katanya.

Katanya: "Anggota yang berhormat itu

tidak sedar bahawa kesempatan yang diberikan kepada beliau untuk mengemukakan pertanyaan itu, sebenarnya merupakan kawalan yang dipertanggungjawabkan kepada anggota-anggota Parlimen semua ke atas perjalanan PETRONAS."

Beliau mengakui kenyataan Encik Sim bahawa pada satu masa dulu ada hasil pendapatan PETRONAS yang disimpan di luar negeri kerana simpanan di sana lebih memberi hasil kepada negara.

Tetapi kini 100% hasil yang diperolehi PETRONAS disimpan dalam negeri, tambah beliau.

Menjawab pertanyaan Wan Najib Mohamad (BN - Pasir Putih) beliau berkata kerajaan tidak perlu mewujudkan sebuah kementerian khusus untuk minyak dan hasil bumi negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata memandang minyak dianggap sebagai hasil negara yang penting, PETRONAS diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Di samping itu, kerajaan mempunyai Kementerian Perusahaan Utama yang melibatkan semua jenis galian negara.